



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Buku Mendidik Aku

Sr Nor Azlinda Mohamed Sabli

Pusat Pengajian Pembinaan dan Ukur Bahan, Kolej Alam Bina,
UiTM Shah Alam

Buku Mendidik Aku

Pengalaman yang aku tempuh membuatkan aku mencari-cari kekuatan, kesabaran dan ketabahan diri yang semakin menghilang. Siapa sangka dalam menelusuri keindahan pelangi, badai melanda. Badai yang merubah aku dan keadaan sekeliling. Dalam mencari baki kekuatan aku ditemukan dengan buku yang memberikan aku sinar cahaya yang semakin malap. Alhamdulillah, dengan izin dan kehendak yang Maha Esa aku tekun membaca setiap bait-bait kata yang ada pada setiap buku yang aku telaah.

Buku telah mendidik aku untuk melihat badai yang aku harungi dari sudut yang berbeza. Berbeza? Ya berbeza kerana aku mula faham bahawa ianya datang daripada Dia Yang Maha Mengetahui. Mengetahui akan apa yang terbaik buat aku yang bergelar hamba. Baris demi baris aku telaah kata-kata indah yang tersusun rapi dan terus menusuk dalam sudut hati aku yang paling dalam. Buku daripada penulisan Dr. 'Aidh bin 'Abdullah Al-Qarni yang bertajuk *La Tahzan (Jangan Bersedih – Setelah Kesulitan Pasti Ada Kemudahan) Siri 1 & 2*, dan diterjemahkan oleh Noraine Abu, banyak memberikan aku inspirasi dan membina kekuatan. Penulisan ini telah meletakkan aku dalam dunia yang penuh pengharapan dan keyakinan dengan membaca kata-kata indah penuh makna yang tersirat.

Semudah itu? Sama sekali tidak namun apakan daya sebagai hamba aku perlu terima. Apa yang perlu aku lakukan adalah mengubah sudut pandang aku sendiri. Aku perlu berubah, sekarang? Ya sekarang! Demi diri aku sendiri.

Mata Hati

Buku banyak mengajar aku untuk melihat sesuatu daripada mata hati bukan daripada sepasang mata kasar. Mata hati harus bisa menterjemahkan apa yang terjadi adalah sesuatu yang lebih baik dari apa yang aku sangkakan. Bait-bait kata dalam penulisan *Muhd Kamil Ibrahim* dalam bukunya yang bertajuk '*Bersyukur Saat Diuji*' memberikan aku satu sudut pandang baru dan buku ini telah memberikan impak yang sangat positif pada aku. Mengajar aku supaya sentiasa berlapang dada dan menerima bahawa setiap ketentuan itu pasti akan ada hikmah. Hikmah yang perlu dicari. Namun hanya masa yang menentukan. Begitulah janji Allah SWT, bahawa setiap kesulitan pasti akan ada kesenangan. Sudah tentunya deraian air mata ini akan digantikan dengan sejuta kegembiraan dan senyuman pada akhirnya. Kegusaran akan digantikan dengan ketenangan. Kedukaan dengan kebahagiaan. Penulis banyak menekankan kepentingan mengekalkan keimanan dan kepercayaan kepada Allah SWT apabila berhadapan dengan kesukaran dan ujian. Tidak kurang juga penulisan yang digambarkan oleh *Dr. Khalid Umar Ad-Dasuqi* dalam bukunya yang bertajuk '*Ubah Musibah Menjadi Anugerah*'. Buku ini telah membuka mata hati aku agar meningkatkan keyakinan bahawa janji Allah SWT itu pasti, maka aku perlu mengubah kanta mata hati aku. Mata hati yang boleh melihat badai gelora

bertukar tenang, suram bertukar terang. Perubahan dalaman ini membuat aku semakin tabah, sabar dan kuat dalam mencari aku.

Mencari Aku

Masih mencari aku sehingga kini. Syukur, buku telah mengajar aku untuk membentuk keperibadian. Secara dalaman mahupun luaran. Aku perlu menjadi aku. Aku tidak boleh membandingkan aku dengan orang lain kerana setiap hamba ciptaan Allah SWT itu berbeza dan istimewa dalam cara tersendiri. Aku bangkit membina keyakinan diri. Sedikit demi sedikit dari tersungkur, terduduk dan kini aku mula berlari. Membaca mungkin kedengaran mudah tapi pada hakikatnya tidak. Kekuatan keperibadian yang aku bina memerlukan masa dan dokongan daripada mereka yang tidak pernah pergi meninggalkan aku. Doa yang dipanjatkan ke langit secara istiqamah tetap diucapkan sehingga hari ini.

Antara buku-buku lain yang memberikan impak pada aku adalah penulisan dari *Ustaz Pahrol Mohamad Juoi* dalam buku beliau yang bertajuk *Semuanya Soal Hati dan Pesan Hati Untuk Hati*. Buku-buku ini telah mengupas, dalam mencari ketenangan, kebahagiaan, kesabaran dan keikhlasan ianya bermula dari hati yang bersih. Hati yang sentiasa mendekatkan diri dengan Pencipta serta hati yang menjaga hubungan sesama insan. Banyak lagi penulisan dari Ustaz Pahrol Mohamad Juoi membicarakan perihal hati, yang mampu membangkitkan semangat dan memberi motivasi.

Buku telah mengajar aku supaya tetap menjadi aku, tetap dengan corak dan warna aku, pendirian dan pegangan aku bermula dari segumpal daging yang bernama hati. Namun turut meraikan pandangan serta mendengar komentar mereka yang lain. Tidak melihat pada siapa tapi lebih pada apa yang disampaikan. Kini aku sedar dan yakin, aku tidak selemah itu, dan tidak sekurang itu. Malahan buku telah membuka lembaran baru bagi aku. Aku kini adalah aku yang baru terutamanya bila membaca buku *Revolusi* dari penulis yang sama. Dari buku ini aku cuba menjadi lebih kuat, tabah, sabar dan matang dalam menempuh kehidupan yang mendatang. Buku telah mengubah corak pemikiran aku dalam membuat keputusan, membuka pintu pengharapan dan kedamaian pada hari-hari mendatang. Setiap helaian dalam buku menjurus pada penceritaan pengakhiran yang baik buat aku. Insha Allah.

Aku dan Watak-watak

Selain mencari diri dan sudut pandang yang baharu, kehadiran pelbagai watak dalam buku mewarnai dan menceriakan kehidupan. Watak-watak ini datang memberikan seribu satu makna buat aku. Watak protagonis, melahirkan suasana yang nyaman dan mendamaikan. Melahirkan rasa kasih dan sayang yang sangat diperlukan. Kehadiran mereka yang membawa watak ini membantu aku dalam mengharungi badai gelora. Mereka ini dilengkapi dengan sifat jujur, ikhlas dan saling membantu. Setia menemani dan mendengar tanpa banyak persoalan dan mimik muka yang menimbulkan seribu keraguan. Terima kasih aku ucapkan buat mereka.

Namun begitu, tidak kurang juga mereka yang berwatak antagonis. Kehadiran mereka dalam buku tidak sia-sia kerana mereka memberikan aku satu pengalaman dan pengajaran. Kehadiran mereka membuatkan aku semakin kuat dan mengerti dalam kepayahan rupanya ada yang bertepuk tangan meraikan deraian air mata. Ada yang membina bahagia atas kedukaan. Watak-watak ini silih berganti sambil memainkan peranan masing-masing. Begitulah penceritaan dalam sebuah buku. Suka dan duka silih berganti mewarnai kehidupan. Bagai terbitnya pelangi seusai hujan. Bagai malam berganti siang. Begitulah juga peranan buku dalam kehidupan. Apa yang aku lalui hanyalah satu bab daripada buku yang ianya tidak menggambarkan keseluruhan kandungan buku tersebut. Setiap buku membawa jalan cerita dan watak yang berbeza serta memberi impak yang turut berbeza pada setiap pembaca.

Ibrah

Kepelbagaian corak penceritaan dan watak yang hadir dalam setiap buku meninggalkan kesan pada setiap pembaca. Dari buku-buku yang aku telaah, aku hayati dan selami agar dapat meninggalkan makna dalam hati serta kehidupan. Aku mengambil pengalaman dan ibrah dari jalan cerita penulis serta cuba memahami dasar hati mereka. Walaupun situasi yang sedikit berbeza tapi masih boleh disesuaikan mengikut tafsiran aku sendiri. Badai yang melanda adalah cerita semalam yang perlu aku lepaskan. Ibrah yang aku peroleh daripada buku, aku jadikan satu azimat untuk terus melangkah. Akan aku lipat peristiwa semalam dalam ikatan yang utuh agar ianya tidak mengugat ketenangan sekarang. Banyak yang aku belajar dari saudara *Abil Ahmad*, penulis buku '*Warkah Buat Isteri*'. Nukilan rasa kasih sayang, pengorbanan, kesabaran, kekuatan jiwa dan tahap kesyukuran yang tinggi yang digambar oleh penulis dalam mengharungi ujian sangat terkesan di hati aku. Aku sangat bertuah dengan izin Allah SWT, aku berkesempatan mengenali saudara Abil Ahmad. Alhamdulillah.

Dari buku juga aku belajar watak-watak yang ada adalah bersifat sementara. Mereka datang dan pergi mengikut corak penceritaan penulis. Dari genre fantasi, ilmiah, misteri, motivasi, ekonomi, politik dan sebagainya. Buku-buku ini membawa kita ke dimensi berbeza dan memberikan pemahaman baru pada pembaca. Dari sini aku sedar aku perlu terus membaca. Membaca buku yang bukan hanya menjadi santapan sementara tapi buku yang lebih dalam nilainya untuk mencari Dia. Dia Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Membaca dan memahami buku yang merangkumi segenap sudut kehidupan. Sukar untuk aku jelaskan. Bait-bait kata terlalu indah dan tiada tandingan. Setiap penceritaan jelas membentuk diri pembaca agar lebih terbuka untuk menerima, lebih menzahirkan rasa syukur dan lebih mengharap Dia bukan manusia.

Buku Junjungan


Buku ini merupakan buku yang tidak lapuk ditelan zaman dan merangkumi segala aspek kehidupan. Buku yang menjadi rujukan dalam segenap segi sama ada moral, ibadah, hukum, sosial dan pencarian segala ilmu. Aku menjadikan ia teman dalam memantapkan rohani serta mencari makna untuk bangkit semula. Daripada buku ini aku belajar untuk berlapang dada menerima kenyataan dan mencari hikmah. Bukan sekadar membaca baris-baris ayat malah memahami makna agar boleh membentuk peribadi dalam kehidupan. Buku atau kitab junjungan ini mampu mengembangkan daya pemikiran, membentuk akhlak dan membersihkan hati nurani. Laman buku ini akan menjadi santapan rohani aku setiap hari. Akan aku cuba sedaya upaya untuk meluangkan masa memahami buku junjungan ini supaya aku bisa berdamai dengan takdir yang ditulis oleh Allahuma Ya Barik. Inshaa Alah.

Teman Sejati

Buku merupakan pusat percambahan ilmu yang berpanjangan, mampu memantapkan fikiran, ruang meluahkan rasa dan salah satu cara untuk meneroka dimensi baru. Ianya juga merupakan ladang pahala yang ditinggal oleh penulis melalui ilmu yang bermanfaat. Daripada buku aku belajar huruf dan angka di awal alam persekolahan. Aku turut menimba ilmu yang diperlukan pada peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Sehingga kini sejajar dengan peredaran masa aku masih mentelaah buku untuk ilmu yang aku sampaikan kepada anak-anak didik. Akan aku kongsi ilmu dan pengalaman yang aku peroleh daripada buku kepada mereka. Aku berusaha untuk sematkan pada anak-anak didik ini betapa pentingnya buku dalam kehidupan dan minat dalam membaca untuk mencari ilmu.


Buku merupakan jambatan ilmu bagi aku untuk mencari bekalan perjalanan yang lebih jauh. Ilmu yang perlu dalam mencantikkan ibadah serta memperbaiki rohani. Ibrah dan pengalaman yang diperoleh daripada buku juga merupakan satu nikmat yang dikongsi.

Yang lebih utama dari buku aku belajar mengubah sudut pandang dan bina keperibadian. Aku ambil ibrah untuk jadikan panduan dalam menjalani kehidupan. Dan aku mendekatkan diri dengan buku junjungan agar ilmu yang aku peroleh dapat menjadi bekalan dalam satu perjalanan yang lebih jauh menuju alam yang abadi.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

